

PUSAT BANDAR ALOR STAR SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN WARISAN BERSEJARAH

Johan Afendi Ibrahim
Mohamad Zaki Ahmad
Fakulti Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti
Universiti Utara Malaysia

Abstrak

Negeri Kedah Darul Aman merupakan antara negeri yang tertua di Malaysia mempunyai banyak peninggalan warisan bersejarah. Beberapa lokasi terkenal di Negeri Kedah yang mempunyai peninggalan tersebut meliputi Alor Star, Lembah Bujang dan Langkawi (Makam Mahsuri). Alor Star merupakan sebuah bandar yang kaya dengan peninggalan bersejarah Kesultanan Melayu Kedah dan aktiviti penduduk. Bandar ini diasaskan oleh Sultan Muhamad Jiwa Zainal Abidin Muadzam Shah II pada tahun 1735 yang merupakan pusat pemerintahan yang kelapan dan terakhir setelah berpindah-randah akibat serangan kerajaan Siam, kerajaan Aceh dan perang saudara. Pada asalnya Alor Star merupakan sebuah pekan pemasaran hasil-hasil tempatan yang terletak di pertemuan antara Sungai Kedah dan Sungai Anak Bukit. Kini Alor Star berperanan sebagai pusat perdagangan dan pentadbiran yang terpenting di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia yang merupakan ibu negeri Kedah Darul Aman. Kertas seminar ini akan membincangkan tentang keunikan tarikan sejarah yang ada di pusat bandar Alor Star, potensi dan peluang untuk membangunkan pusat bandar Alor Star sebagai destinasi warisan yang menarik dan berjaya, cadangan-cadangan bagi membangun dan mempromosi pelancongan secara berkesan dan sempurna.

Pengenalan

Malaysia kaya dengan pelbagai sumberjaya warisan meliputi kebudayaan penduduk dan peninggalan bersejarah. Ini disebabkan Malaysia mempunyai masyarakat berbilang kaum yang mengamalkan cara hidup yang berbeza. Selain itu, Malaysia mempunyai banyak peninggalan bersejarah kerana pernah diperintah oleh empayar-empayar besar Nusantara, Kesultanan Melayu Melaka dan penjajahan bangsa Eropah. Oleh itu, peninggalan bersejarah ini berpotensi dijadikan sebagai produk pelancongan disebabkan keunikannya, mencatatkan beberapa peristiwa penting, senibina yang menarik serta mampu mengajak masyarakat dan pelancong menghargai dan mempelajari kehidupan masyarakat dahulu yang mempunyai kaitan yang kuat dengan perkembangan Malaysia pada hari ini.

Di Negeri Kedah, terdapat beberapa lokasi peninggalan bersejarah yang popular seperti Alor Star, Lembah Bujang dan Makam Mahsuri. Kerja seminar ini akan membincangkan tindakan-tindakan yang boleh dilakukan bagi menjadikan Pusat Bandar Alor Star sebagai produk pelancongan warisan bersejarah yang terkemuka. Ia menyentuh pelbagai aspek meliputi latar belakang, asal-usul nama Alor Star, potensinya sebagai destinasi pelancongan warisan bersejarah, lokasi kawasan, cadangan dan tindakan serta penutup.


Latar Belakang Alor Star

Alor Star adalah ibu negeri Kedah Darul Aman yang merupakan pusat pentadbiran dan perdagangan utama di Negeri Kedah. Ia terletak di latitud 6°7' U dan longitud 100°22' T lebih kurang 95 kilometer ke utara Butterworth dan 60 kilometer dari Kangar. Alor Star merupakan laluan utama ke Bukit Kayu Hitam dan Padang Besar yang terletak di sempadan Malaysia – Thailand. Pada peringkat awal, perkembangannya banyak disokong oleh aktiviti pertanian (Syed Zainol Abidin Idris, 1995). Gunatanah sekitar bandar ini adalah kawasan tanaman padi. Ia mula dibuka pada tahun 1735 oleh Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muadzam Shah II (1710 – 1778). Kini Alor Star yang berusia 272 tahun berkembang dengan pesat dan telah dimasyhurkan sebagai sebuah bandaraya pada 21 Disember 2003. Bandaraya ini masih memiliki kesan-kesan

pembangunan awalnya iaitu bangunan-bangunan lama yang telah merakamkan beberapa peristiwa penting dan memiliki senibina yang menarik.

Asal-Usul Nama Alor Star

Asalnya, Alor Star merupakan sebuah kampung yang mempunyai beberapa buah rumah yang terletak dipertemuan antara Sungai Kedah dan Sungai Anak Bukit (Tanjung Chali). Pertemuan sungai itu merupakan pengkalan utama pedagang-pedagang yang berulang-alik dari sini ke Kuala Sungai Kedah (sekarang dikenali sebagai Kuala Kedah). Namanya diambil sempena nama 'alur' dan 'pokok' yang terdapat di kawasan tersebut (Syed Zainol Abidin Iddid, 1995). Alur yang dimaksudkan masih terdapat hingga ke hari ini yang terletak berhampiran Masjid Zahir (*rujuk Gambar 1.1*). Pada masa dahulu terdapat banyak pokok 'stak' yang dipanggil oleh penduduk tempatan di muara alur tersebut. Pedagang-pedagang yang lalu-lalang antara Sungai Kedah, Sungai Anak Bukit dan Kuala Kedah akan mengikat sampan atau bot mereka di pokok-pokok berhampiran alur tersebut bagi menjalankan aktiviti perniagaan dan perdagangan. Lama-kelamaan ia dikenali sebagai Alor Star hasil gabungan kedua-dua nama tersebut.



Gambar 1.1 : Inilah lokasi Alor Star mendapat nama

Alor Star yang dulunya dikenali sebagai Kota Star merupakan pusat pentadbiran dan pemerintahan Kerajaan Kedah Tua. Bandar ini diasaskan oleh Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muadzam Shah II pada tahun 1735 yang juga merupakan pusat pemerintahan yang kelapan dan terakhir setelah berpindah-randah akibat serangan kerajaan Siam, kerajaan Aceh, perang saudara selain mencari tempat yang sesuai bagi perhubungan dan perdagangan. Pada awal kurun ke 19, ramai pedagang asing seperti Inggeris, India, China, Sumatera telah datang ke Kota Star untuk menjalankan aktiviti perdagangan. Kota Star telah berkembang dari sebuah kampung kepada pekan yang sibuk dan akhirnya menjadi sebuah bandar perdagangan, pentadbiran dan petempatan utama. Penjajah Inggeris khususnya, amat berminat kepada Kota Star (masa itu Alor Star dikenali sebagai Kota Star). Oleh itu, segala perniagaan, pengangkutan dan perhubungan di Negeri Kedah berpusat di Kota Star.

Perletakan Alor Star strategik kerana berdekatan dengan pelabuhan terpenting di Negeri Kedah pada masa itu iaitu Kuala Sungai Kedah. Kedudukannya di satu kawasan tanah rata berhampiran pertemuan antara Sungai Kedah dan Sungai Anak Bukit merupakan satu faktor untuk bandar ini terus berkembang. Bangunan-bangunan awal mula dibina dipertemuan Sungai Kedah dan Sungai Anak Bukit dan seterusnya ke kawasan Pekan Melayu dan Pekan Cina. Pada awal tahun 1920an, rumah-rumah kedai dibina di kawasan Sungai Raja, Jalan Langgar dan Jalan Stesen Kereta Api (Syed Zainol Abidin Iddid, 1995).

Potensi Alor Star Sebagai Destinasi Pelancongan Warisan Bersejarah

Alor Star mempunyai beberapa potensi dijadikan sebagai destinasi pelancongan warisan bersejarah. Pertama, Alor Star merupakan sebuah bandar yang mempunyai banyak peninggalan warisan bersejarah yang mempunyai kaitan dengan pemerintahan Kerajaan Kesultanan Melayu Kedah. Ia terdiri daripada bangunan-bangunan lama yang satu ketika dahulu pernah digunakan untuk tujuan pentadbiran, keagamaan dan adat istiadat Kesultanan Melayu Kedah. Bangunan itu adalah Balai Besar, Balai Nobat, Masjid Zahir, Balai Seni, bekas Mahkamah Tinggi (cadangan Galeria Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah), Bangunan Wan Muhammad Saman, dan Jam Besar.

Kedua, Alor Star masih mempunyai beberapa tinggalan lokasi bersejarah dan petempatan yang mempunyai justifikasi dengan permulaan Alor Star itu sendiri. Lokasi dimana Alor Star mendapat nama masih kekal sehingga ke hari ini dimana alor yang dimaksudkan masih terpelihara yang terletak berhampiran Masjid Zahir. Selain itu, terdapat beberapa peninggalan petempatan awal yang terletak di pertemuan Sungai Kedah dan Sungai Anak Bukit (Tanjung Chali). Petempatan ini dikenali sebagai Pekan Melayu dan Pekan Cina yang terdiri daripada bangunan-bangunan kedai yang dibina sebelum Perang Dunia Kedua (1939 – 1945).

Ketiga, semenjak dahulu lagi Alor Star dikenali sebagai sebuah petempatan yang majoritinya didiami oleh masyarakat Melayu. Mereka menjalankan aktiviti perniagaan, kebudayaan di situ. Kegiatan perniagaan masyarakat Melayu semakin rancak selepas Perang Dunia Pertama (1914 – 1918) atas inisiatif YTM Tunku Yaacob, seorang Putera Diraja Kedah bagi menggalakkan orang-orang Melayu menjalankan perniagaan di bandar. Ia bermula dari pasar minggu di Tanjung Chali yang terletak di persimpangan antara Jalan Pekan Cina dan Jalan Pengkalan Kapal di Alor Star. Tanjung Chali merupakan tapak bagi melatih orang-orang Melayu dalam perniagaan. YTM Tunku Yaacob telah mengasaskan kawasan ini menjadi pasar minggu pada setiap hari Rabu sahaja pada awal 1920an. Perniagaan mingguan ini kemudiannya berkembang maju dan berlangsung pada setiap hari. Ini menyebabkan kerajaan negeri terpaksa memindahkan Pekan Rabu ke tapak barunya yang ada sekarang pada tahun 1932 kerana kawasannya sedia ada telah sempit akibat perkembangan perniagaan yang dijalankan. Pelbagai barangan perniagaan dijual di Kompleks Pekan Rabu daripada hasil tanaman keluaran kampung sehingga ke perniagaan yang agak komersial dan bertaraf antarabangsa (Koperasi Pekan Rabu Alor Star Berhad, 2007). Barangan yang dijual seperti berikut : (*rujuk Jadual 1.1*).

Jadual 1.1 : Jenis Barangan dan Perkhidmatan Yang Terdapat Di Pekan Rabu

Kedai Pakaian	Kedai Gunting Rambut
Kedai Makanan / Minuman	Kedai Muzik
Kedai Barang-Barang Kemas	Kedai Jam
Kedai Buah-Buahan	Kedai Ikan Kering
Kedai Sayur-Sayuran Dan Ulam-Ulaman	Kedai Sekolah Memandu
Kedai Kuih Muih (Kering Atau Basah)	Kedai Cermin Dan Bingkai
Kedai Buku Atau Majalah Dan Akhbar	Kedai Gigi
Kedai Kraftangan	Kedai Alat Permainan
Kedai Pinggan Mangkuk	Kedai Cermin Mata
Kedai Ubat Tadisional	Kedai Beg
Kedai Alat-Alat Perhiasan Dan Kosmetik	Kedai Peralatan Haji
Kedai Tukang Jahit	Internet-Cafe

Sumber : Koperasi Pekan Rabu Alor Star Berhad, 2007.


Keempat, Alor Star juga merupakan tempat kelahiran salah seorang pemimpin besar Malaysia iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamed, Perdana Menteri Malaysia Keempat (1981 – 2003). Ia terletak di Lorong Kilang Ais, Seberang Perak yang berhampiran dengan Tanjung Chali. Lokasi kelahirannya telah dibangunkan sebagai tarikan pelancong.

Kelima, disebabkan Alor Star mempunyai kekuatan sumberjaya warisan bersejarah, Kerajaan Negeri Kedah memberikan perhatian yang serius untuk menjadikannya sebagai destinasi pelancongan. Ini dapat dilihat dalam dasar dan strategi pelancongan yang terkandung di dalam Laporan Kedah Maju 2010 dan Draf Rancangan Struktur Negeri Kedah 2000 – 2020 (*rujuk Lampiran 1*). Alor Star juga berpotensi ditonjolkan sebagai produk utama pelancongan Negeri Kedah untuk Program Tahun Melawat Kedah 2008 Sempena 50 Tahun Pemerintahan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Lokasi Kawasan

Ia tertumpu di pertemuan Sungai Anak Bukit dan Sungai Kedah dan mengunjur ke utara, selatan dan timur. Ini disebabkan kawasan ini mempunyai banyak peninggalan bersejarah yang dikenali sebagai Pekan Melayu dan Pekan Cina yang tertumpu di sepanjang Jalan Tunku Yaakob (dahulu dikenali sebagai Jalan Pekan Cina) sebahagian Jalan Sultan Muhammad Jiwa (dahulu dikenali sebagai Jalan Pekan Melayu) dan Jalan Penjara Lama. Selain itu, kawasan ini juga mempunyai peninggalan sejarah pemerintahan Kerajaan Kesultanan Melayu Kedah yang tertumpu di sebahagian Jalan Sultan Muhammad Jiwa. Lokasi perniagaan masyarakat Melayu Kedah yang terletak di sepanjang Jalan Tunku Ibrahim dan Jalan Langgar serta Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamed yang terletak di Jalan Pegawai (kini Lebuhraya Sultan Abdul Hamid) termasuk dalam kawasan ini (*rujuk Gambar 1.2*).

Sebanyak empat zon utama yang dicadangkan bagi pembangunan pelancongan dimana setiap zon mempunyai tema-tema yang tersendiri mengikut kekuatan produk sedia ada. Zon-zon yang



Gambar 1.2 : Lokasi Kawasan Yang Dicapangkan Sebagai Produk Pelancongan Warisan Bersejarah di Pusat Bandar Alor Star

dimaksudkan adalah seperti berikut :

1. Zon Warisan Kegemilangan Kesultanan Melayu Kedah : meliputi sebahagian Jalan Sultan Muhammad Jiwa. Zon ini mempunyai banyak bangunan-bangunan bersejarah pemerintahan Kesultanan Melayu Kedah yang masih kekal sehingga ke hari ini. Bangunan itu adalah Balai Besar, Balai Nobat, Masjid Zahir, Balai Seni, Mahkamah Tinggi (cadangan Galeria Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah), Bangunan Wan Muhammad Saman dan Jam Besar (*rujuk Gambar 1.3*).



Gambar 1.3 : Lokasi Zon Warisan Kegemilangan Kesultanan Melayu Kedah

2. Zon Bermulanya Alor Star (1735) : meliputi sebahagian Jalan Sultan Muhammad Jiwa (dahulunya dikenali sebagai Jalan Pekan Melayu), Jalan Tunku Ibrahim, Jalan Penjara Lama, Jalan Tunku Yaakob (dahulunya dikenali sebagai Jalan Pekan Cina), Jalan Raja, sebahagian Jalan Langgar dan Lebuhraya Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. Zon ini merupakan kawasan dimana Alor Star bermula. Ia mempunyai banyak bangunan-bangunan lama yang merupakan petempatan awal bagi Alor Star. Kebanyakan bangunan ini dibina sebelum Perang Dunia Kedua (1939 – 1945) yang lebih dikenali sebagai Pekan Melayu dan Pekan Cina. Bangunan Balai Polis Lama, Bangunan Pejabat Pos Besar dan Bangunan Kompleks Pelancongan Negeri Kedah termasuk dalam zon ini (*rujuk Gambar 1.4*).




Gambar 1.4 : Lokasi Zon Bermulanya Alor Star (1735)

3. Zon Perniagaan Dan Kebudayaan Masyarakat Melayu Kedah : meliputi sebahagian Jalan Tunku Ibrahim dan Jalan Langgar. Disini terletak Kompleks Pekan Rabu yang menjadi lambang kemegahan penguasaan ekonomi masyarakat bumiputera di bandar. Ia telah dikenali dan menjadi tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara yang datang ke Negeri Kedah. Ia menawarkan pelbagai barangan dan perkhidmatan kepada penduduk dan pelancong seperti yang terkandung di *Jadual 1.1*. Beberapa bangunan kedai lama yang dibina sebelum Perang Dunia Kedua (1939 – 1945) termasuk di dalam zon ini (*rujuk Gambar 1.5*).



Gambar 1.5 : Lokasi Zon Perniagaan Dan Kebudayaan Masyarakat Melayu Kedah

4. Zon Kelahiran Pemimpin Besar Malaysia : meliputi Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamed yang terletak di Jalan Pegawai (sekarang dikenali sebagai Lebuhraya Sultan Abdul Hamid). Ia merupakan sebuah kompleks yang dilengkapi pelbagai maklumat mengenai bekas Perdana Menteri Malaysia Keempat (1981 – 2003) yang dikenali sebagai Bapa Permodenan Negara. Lokasi ini dipilih kerana terletak berhampiran dengan tempat bermulanya Alor Star. Ia merupakan sebuah bandar yang telah mengalami sejarah yang panjang dimana telah melahirkan beberapa tokoh-tokoh penting negara (*rujuk Gambar 1.6*).



Gambar 1.6 : Lokasi Zon Kelahiran Pemimpin Besar Malaysia

Cadangan Dan Tindakan

Bagi memastikan Alor Star menjadi sebuah destinasi pelancongan berasaskan warisan bersejarah yang terkenal di peringkat antarabangsa, beberapa cadangan dan tindakan perlu dilakukan. Cadangan dan tindakan yang disyorkan adalah seperti berikut :

C1 : Setiap Zon Mengadakan Aktiviti-Aktiviti Yang Sesuai Dengan Tema

- Zon Warisan Kegemilangan Kesultanan Melayu Kedah : mewujudkan satu pengkisahan Kesultanan Melayu Kedah yang bermula semenjak 1136 sehingga kini. Pelancong dibawa melawat ke semua bangunan-bangunan bersejarah meliputi Balai Besar, Balai Nobat, Masjid Zahir, Balai Seni, Mahkamah Tinggi (cadangan Galeria Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah), Bangunan Wan Muhammad Saman dan Jam Besar. Pelancong melakukan pelbagai aktiviti kebudayaan, melihat pameran, mengambil gambar dan mendengar taklimat daripada pemandu pelancong sepanjang pergerakan mereka.

- Zon Bermulanya Alor Star (1735) : mewujudkan satu pengkisahan mengenai kewujudan Alor Star dari tahun 1735 sehingga kini. Pelancong dibawa di sekitar kawasan Pekan Melayu dan Pekan Cina yang merupakan petempatan awal bagi Alor Star. Aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan oleh pelancong disini adalah menyusuri sepanjang Sungai Anak Bukit dan Sungai Kedah bagi menikmati pemandangan yang menarik, menghayati keindahan senibina rumah-rumah kedai yang dibina sebelum Perang Dunia Kedua (1939 – 1945), bersiar-siar di Tanjung Chali, mengambil gambar dan mendengar taklimat daripada pemandu pelancong sepanjang pergerakan mereka.
- Zon Perniagaan Dan Kebudayaan Masyarakat Melayu Kedah : pengkisahan mengenai sejarah masyarakat Melayu Kedah menceburkan diri dalam bidang perniagaan di kawasan bandar. Taklimat diberikan oleh wakil Koperasi Pekan Rabu Sdn. Bhd. Aktiviti yang dilakukan oleh pelancong disini adalah membeli-belah produk bumiputera meliputi makanan, kraftangan, tekstil dan lain-lain lagi. Selain itu, pelancong dapat melihat keindahan senibina rumah-rumah kedai yang dibina sebelum Perang Dunia Kedua (1939 – 1945) yang terdapat di sekitar Kompleks Pekan Rabu dan menjamu selera di tebing Sungai Raja.
- Zon Kelahiran Pemimpin Besar Malaysia : pengkisahan mengenai sejarah hidup Tun Dr. Mahathir Mohamed dari kecil sehingga bersara sebagai Perdana Menteri Malaysia Keempat (1981 – 2003). Aktiviti yang boleh dilakukan pelancong disini adalah melihat pameran, mengambil gambar dan mendengar taklimat daripada pemandu pelancong sepanjang pergerakan mereka.
- Mempakejkan kesemua aktiviti di setiap zon dan membangunkannya sebagai sebuah 'trail' yang bersepadu yang membolehkan pelancong mendapatkan pengalaman dan pengetahuan mengenai perkembangan Alor Star dari dahulu sehingga kini.

C2 : Kerjasama Antara Kerajaan Dan Swasta Bagi Menarik Kedatangan Pelancong Ke Alor Star

- Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kedah (MTPN) dan agensi pelancongan perlu mencari jalan untuk mempromosikan Alor Star sebagai sebuah destinasi pelancongan warisan bersejarah.
- Agensi pelancongan bersama Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kedah (MTPN) perlu membangunkan satu pakej pelancongan yang menarik untuk menggalakkan kedatangan pelancong ke Negeri Kedah terutamanya Alor Star.

C3 : Mengadakan Pelbagai Acara Berteraskan Warisan Di Lokasi Ini

- Setiap acara mengenai kebudayaan dan warisan yang dianjurkan oleh kerajaan dan swasta perlulah diadakan di lokasi ini bagi mempelbagaikan aktiviti dan menggalakkan kehadiran pengunjung.
- Lumba perahu merentasi Sungai Kedah boleh diadakan sebagai acara tahunan bagi menarik kedatangan pelancong.

C4 : Penyelenggaraan Terhadap Kemudahan Dan Perkhidmatan Perlu Dilakukan Secara Berterusan

- Pemotongan rumput, mencuci longkang dan kolam air pancut yang terdapat di Balai Nobat, Balai Besar, Tugu Pengisytiharan Bandaraya Alor Star dan lokasi bermulanya Alor Star perlu dilakukan secara kerap bagi memastikan keindahan kawasan dipelihara.
- Laluan pejalan kaki yang tidak rata dan licin perlulah diperbaiki bagi memastikan keselamatan pelancong yang menggunakannya.
- Wakaf yang terletak berhampiran Masjid Zahir perlulah diperbaiki strukturnya supaya tidak musnah akibat hakisan Sungai Anak Bukit.
- Pokok-pokok renek dan teduhan perlulah diselenggara secara kerap bagi mewujudkan suasana yang redup, selamat dan selesa kepada pelancong.
- Tandas awam yang terletak berhampiran Balai Besar perlulah dibuka setiap hari bagi kemudahan pelancong.
- Sungai Raja, Sungai Kedah dan Sungai Anak Bukit perlulah sentiasa dibersihkan daripada sampah sarap dan dahan-dahan pokok yang menghalang aliran air.

C5 : Pemilik Rumah Dan Premis Perlu Menjaga Kebersihan Dan Keindahan Secara Berterusan

- Fasad bangunan yang rosak dan berkulat hendaklah dibaiki dan dicat semula supaya kelihatan lebih menarik dan indah.
- Barangan yang diletakkan di hadapan premis perlulah disusun supaya kelihatan kemas dan menarik.
- Laluan hadapan dan tepi premis perlulah dibersihkan secara kerap.
- Pemilik rumah-rumah dan premis-premis yang terdapat di sepanjang Sungai Kedah dan Sungai Anak Bukit perlulah mengindahkan kawasan kediaman mereka.

1.0 Penutup

Alor Star berusia hampir tiga abad mengalami sejarah yang panjang dimana bermula sebagai sebuah perkampungan Melayu tradisional sehingga mencapai tahap pusat pentadbiran dan perniagaan utama Negeri Kedah Darul Aman. Oleh itu, ia mempunyai banyak tinggalan warisan bersejarah yang berpotensi dijadikan sebagai produk pelancongan. Kerajaan menyedari Alor Star berpotensi dibangunkan sebagai sebuah destinasi pelancongan dengan merangka beberapa dasar dan strategi untuk menggalakkan perkembangannya. Justeru itu, diharapkan pihak kerajaan dan swasta dapat berganding bahu bagi membangunkan dan mempromosi Alor Star sebagai destinasi pelancongan warisan yang terkemuka sekaligus meningkatkan pendapatan negeri, menjana peluang pekerjaan dan menyeimbangkan kedatangan pelancong antara Pulau Langkawi dengan Tanah Besar Kedah.

SENARAI RUJUKAN

Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa. (2005). *Draf Rancangan Struktur Negeri Kedah 2000-2020*. Kuala Lumpur: JPBD.

Kerajaan Negeri Kedah. (2000). *Laporan Kedah Maju 2010: (Sektor Pelancongan)*. Kedah: Unit Perancang Ekonomi Negeri Kedah.

Koperasi Pekan Rabu Alor Star Berhad. (2007). *Kompleks Pekan Rabu Alor Star, Kedah Darul Aman*. Diperolehi pada 25 Jun 2007 daripada <http://www.pekanrabu.com/>

Syed Zainol Abidin Iddid. (1995). *Pemeliharaan Warisan Rupa Bandar*. Badan Warisan Malaysia.

LAMPIRAN 1

Dasar Pelancongan Negeri Kedah (Kedah Maju 2010)

- Membangunkan produk pelancongan terutama kepada alam semulajadi dan sejarah.
- Menggalakkan penglibatan penduduk tempatan dan pihak swasta.
- Menggalakkan usaha penggalakkan pelancongan bagi pasaran dalam dan luar negeri.
- Meningkatkan perkhidmatan hotel, tapak perkemahan, padang golf dan taman rekreasi.
- Peluang pelaburan baru di dalam ekopelancongan.
- Memajukan pelancongan pertanian.
- Meningkatkan potensi pelancongan berasaskan air, hiburan dan perkhidmatan.

Sumber : Laporan Kedah Maju, 2010.

Dasar Pelancongan Draf Rancangan Struktur Negeri Kedah 2000 – 2020

DS11-1 : Memantap Dan Mempertingkatkan Industri Pelancongan Sebagai Penggerak Utama Ekonomi Negeri Kedah

- DS11-1L1 : Menumpukan pembangunan pelancongan kepada dua zon iaitu zon utama dan zon sokongan.
 - i. Zon Utama
 - Langkawi
 - ii. Zon Sokongan
 - Kota Star (Bandaraya Alor Star – Gunung Keriang – Bukit Wang – Bukit Kayu Hitam dan sebagainya).
- DS11-1L3 : Memulihara dan menjaga persekitaran fizikal dan warisan yang merupakan produk-produk pelancongan utama.

DS11-3 : Mempelbagaikan Sumber-Sumber Pelancongan Baru Bagi Menambahkan Daya Tarikan Di Tanah Besar Kedah

- DS11-3L1 : Membangunkan pelancongan mengikut tema dengan mempelbagai dan meningkatkan produk pelancongan di Tanah Besar Kedah bagi menarik kedatangan pelancongan. Tarikan berpotensi seperti :
 - i. Tarikan Sejarah Dan Warisan
 - Bangunan Warisan seperti Balai Besar, Masjid Zahir.

Sumber : Draf Rancangan Struktur Negeri Kedah 2000 – 2020, 2005